

Kualiti Individu dalam Pembangunan Insan Menurut Kerangka ‘Ulūm Al-Hadīth: Satu Analisis

Khadher Ahmad

Universiti Malaya, khadher82@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.3>

Abstrak

Kredibiliti seorang perawi amat dititikberatkan dalam periwayatan hadith. Para perawi hadith telah dinilai dengan satu kerangka penilaian yang ketat, tegas dan terperinci dalam kalangan ulama hadith (*muhaddithin*) bagi memastikan kualiti sesuatu hadith yang dibawa. Keadaan ini menunjukkan kepada perihal penting kualiti seorang individu dalam memastikan sesuatu berita yang dibawa sama ada boleh diterima ataupun ditolak. Melalui pendekatan analisis induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kualiti individu yang boleh dibangunkan dan dicadangkan melalui kerangka penilaian dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* sebagai kriteria yang perlu diberikan keutamaan dalam pembangunan insan. Hasil kajian mendapati dalam kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth*, terdapat beberapa perkara penting yang sangat diberikan perhatian bagi memastikan kredibiliti perawi iaitu [1] Pengetahuan yang terperinci tentang latar belakang perawi; [2] Penilaian terhadap perawi dari aspek *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*; [3] Penetapan kriteria dan ciri perawi yang konsisten tanpa sebarang pertikaian; [4] Penetapan Kredibiliti Penerima Hadith; [5] Penilaian terhadap ketepatan maklumat yang dibawa dan disebarluaskan. Kesimpulannya, dengan adanya kriteria ini, secara tidak dapat membantu dalam menetapkan aspek dan kriteria penting terhadap kualiti individu yang lebih holistik dan fleksibel dalam pembangunan Insan.

Kata kunci: ‘*Ulūm al-Hadīth*, pembangunan insan, kualiti individu, hadith

Individual Quality in Human Development in ‘Ulūm al-Hadīth Framework: An Analysis

Abstract

The credibility of narrator is very important in the narration of hadith. The narrators of the hadith are evaluated with rigorous and detailed assessment framework among the scholars of the hadith (muhaddithin) to ensure the quality of the hadith. This shows that an individual's quality is important in ensuring that a given news story is accepted or rejected. Through an inductive and deductive analysis approach, this article aims to shed light on the quality of individuals that can be developed and

suggested through the evaluation framework in ‘Ulūm al-Hadīth as criteria that should be given priority in human development. The results of the study show that in the framework of ‘Ulūm al-Hadīth, there are some important points to be taken, [1] Ensuring that the creation of the narrator is a detailed knowledge of the background of the narrator; [2] The assessment of the narrator from the aspect of al-Jarh wa al-Ta`dil; [3] Defining consistent criteria and features of a narrator without any dispute; [4] Determination of the Benefits of Recipient of Hadith; [5] An assessment of the accuracy of information carried and disseminated. In conclusion, the existence of these criteria does not help to establish important aspects and criteria for a more holistic and flexible individual quality in human development.

Keywords: ‘Ulūm al-Hadīth, human development, individual quality, hadith

Pendahuluan

Secara umumnya, pembangunan merujuk kepada proses peningkatan dari suatu tahap kepada tahap yang lebih baik merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi. Dalam erti kata lain, pembangunan mengandungi idea peningkatan keupayaan dan potensi apabila merujuk kepada suatu gerakan ke hadapan bermula daripada satu posisi yang lebih rendah kepada satu posisi yang lebih besar dari segi pencapaian, peluang dan manfaat.¹

Pembangunan insan berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Hal ini kerana manusia dan insan mempunyai maksud yang sama. Menurut *Kamus Dewan*, manusia atau insan bermaksud makhluk yang mempunyai akal budi. Sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ.

al-Tin 95:4

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia sebaik-baik kejadian.

¹ Noor Hafizah Mohd Haridi & Ahmad Munawar Ismail, “Masalah Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan di Institusi Pemulihan Akhlak Malaysia” (makalah, e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (PASAK3), Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 23-24 April 2018), 557.

Maka, dari ayat ini manusia atau insan itu diciptakan oleh Allah SWT berasaskan kepada pembangunan insan yang berkualiti dan berintegriti dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini memerlukan kepada pembangunan dari segi aspek individu sama ada fizikal maupun spiritual sesuai dengan fitrah kejadian insan itu sendiri. Jika aspek fizikal dan spiritual dapat diatasi dengan baik secara tidak langsung setiap individu akan menjadi tunjang kepada kehidupan yang direhdai oleh Allah SWT. Secara akademiknya, menunjukkan bahawa pembangunan insan ini adalah suatu pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri. Manusia yang menjadi ejen kepada pembangunan dan sekaligus menjadi matlamat akhir pembangunan tersebut.

Isu Kualiti Individu

Dalam konteks pembangunan insan, antara aspek yang penting dan sangat diberikan perhatian adalah terhadap kualiti individu. Ia terkait dengan keperluan dalam pembentukan individu yang mempunyai kualiti supaya segala maklumat yang dibawa dan berita yang disampaikan boleh diterima dengan penerimaan yang pasti, bukan atas andaian kemungkinan benar ataupun tidak. Ini kerana, kualiti individu tersebut telah melayakkan diri sebagai individu yang menyampaikan hanya sesuatu yang benar dan pasti selepas penelitian yang dilakukannya sendiri sehingga tiada lagi keraguan apabila individu yang berkualiti itu menyampaikan apa-apa maklumat ataupun berita.

Rentetan itu, dalam dunia *Information and Communications Technology* (ICT), sesuatu berita atau perkhabaran itu mudah disebarluaskan tanpa ruang sempadan dan had batasan. Sekalipun, kualiti atau nilai berita yang disampaikan tersebut palsu atau tidak mempunyai sumber atau hanya khabar angin, gosip, dan sebagainya yang bukan merupakan sesuatu berita penting atau bermanfaat. Perkara ini disebabkan oleh kualiti insan yang menyebarkan berita atau maklumat tersebut, bukan memiliki ciri-ciri seseorang individu yang mempunyai kerangka penilaian khusus dalam menapis dan mengesahkan sesuatu berita atau maklumat itu. Bahkan, sekalipun kemudahan dalam teknologi dan internet itu menyediakan ruang untuk menyemak dan mengesahkan sesuatu berita dan maklumat, tetapi perkara tersebut tidak berlaku. Melainkan atas penyebaran berita yang tidak benar

atau maklumat palsu itu adalah disebabkan sikap terlalu “*prihatin*” atau ingin menjadi “*individu pertama*” yang menyebarkan atau menyampaikan maklumat tersebut. Dalam istilah yang lain, ikut trend, berita viral atau isu panas.²

Dalam tulisan Noor Mohamed Shakil Hameed, beliau menyebutkan tentang kajian oleh penyelidik di *Institusi Teknologi Massachusetts* (MIT), Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa berita palsu mudah tersebar berbanding berita sahih. Daripada 126,000 berita palsu dalam Twitter pada 2016-2017, semua berita palsu itu di *tweet* oleh tiga hingga 4.5 juta kali dalam tempoh berkenaan. Bahkan didapati juga kira-kira 70 peratus maklumat palsu itu disebarluaskan lebih banyak berbanding yang benar.³

Manakala dalam tulisan Ridzauddin Roslan, yang memetik pandangan Mariani Mohd. Nor yang mengatakan bahawa ketagihan internet boleh didefinisikan sebagai kecenderungan untuk melakukan perkara sama setiap hari bagi mendapatkan keseronokan dan kepuasan berpanjangan. Sehingga individu tersebut berdepan sindrom seperti mudah terpengaruh dengan capaian maklumat, kerap membuang masa dan lebih gemar bersosial di laman media sosial berbanding alam realiti. Bahkan, penagih internet juga berkemungkinan besar memuat naik status bersifat sensasi dan melebih-lebih meskipun tidak mempunyai bukti kukuh terhadap apa yang diutarakan walaupun maklumat itu palsu. Kebiasaannya, seseorang individu cenderung menyebarkan berita palsu disebabkan dua faktor utama, iaitu meraih kepuasan diri sendiri dan bagi memenuhi matlamat persekitaran.⁴ Dapat difahami bahawa dalam isu ini, faktor kualiti individu yang

² Mir Azri Shaharudin, “Tangkis Penyebaran Maklumat Palsu,” laman sesawang *Kosmo Online*, 5 Februari 2018, <http://www.kosmo.com.my/negara/tangkis-penyebaran-maklumat-palsu-1.603142>. Rujuk juga, Matthew Chan, “Perlu Bijak Nilai Kesahihan Berita,” laman sesawang *Utusan*, 22 Februari 2018, tarikh dicapai 17 September 2019, <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/perlu-bijak-nilai-kesahihan-berita-1.447727>.

³ Noor Mohamed Shakil Hameed, “Tangani Berita Palsu,” laman sesawang *Harian Metro*, 29 Mac 2018, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20180329/281775629710089>

⁴ Ridzauddin Roslan, “Ketagihan Internet Punca Penularan Berita Palsu,” laman sesawang *Kosmo Online*, 24 Mac 2018, <https://www.kosmo.com.my/jurnal/ketagihan-internet-punca-penularan-berita-palsu-1.633764>

menyebabkan mudahnya sesuatu berita tidak benar itu mudah disebarluaskan.

Manakala dalam tulisan Nuurrianti Jalli, ketika membincangkan tentang usaha memerangi disinformasi dan berita palsu, beliau ada menyarankan agar pengguna media (iaitu merujuk kepada individu yang terlibat dengan apa-apa media) perlu lebih bertanggungjawab mengendalikan maklumat yang diterima dan perlu mengambil inisiatif bagi mengesahkan maklumat yang dibaca dengan lebih teliti. Mereka boleh merujuk dengan mengadakan carian di *Google* atau terus ke laman web sebenarnya.my yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memastikan kesahihan. Dalam erti kata, aspek kualititi individu yang menerima sesuatu maklumat dan berita itu sangat penting dalam usaha membendung penyebaran maklumat palsu.

Dari itu, penekanan kepada aspek kualiti individu adalah merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian dan penekanan serius dalam usaha untuk memastikan kebenaran sesuatu berita yang dibawa dan disebarluaskan. Justeru, disiplin dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* merupakan satu ilmu asas yang secara tidak langsung telah memberikan penekanan serius pada peringkat awal bagi memastikan kualiti individu yang menerima dan meriwayatkan sesuatu hadith Nabi SAW. Kualiti seorang perawi sangat diberikan penekanan dan latar belakangnya diteliti dan diselidik, latar belakang guru-gurunya, sikapnya dan lain-lain sehingga kualiti perawi tersebut tidak dapat lagi dipertikaikan kesahihan dan kebenarannya dalam meriwayatkan sesuatu hadith itu. Faktor kualiti perawi tersebut membawa kepada kebenaran fakta atau berita yang diriwayatkannya. Proses inilah yang menjadi satu keistimewaan dalam periyawatan hadith itu sehingga sesiapa sahaja tidak lagi mampu untuk mempertikaikan atau menimbulkan keraguan terhadap hadith yang dibawa dan diriwayatkan tersebut.


Oleh yang demikian, disiplin dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* sewajarnya dapat diketengahkan dan diberikan penekanan pada masa kini dalam usaha untuk melahirkan dan mendidik individu yang peka dan sentiasa berhati-hati dalam membawa dan menyebarkan sesuatu berita atau maklumat melainkan setelah melalui proses yang sewajarnya. Ia bertitik tolak daripada kualiti

individu itu sendiri yang telah bersedia untuk menghadapi cabaran sedemikian.

Skop dan Metodologi

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kualiti individu yang boleh dibangunkan melalui kerangka penilaian dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* sebagai kriteria yang perlu diberikan keutamaan dalam pembangunan insan. Dalam pembangunan insan, aspek kualiti individu adalah antara aspek penting yang dititikberatkan. Bagi menilai dan menjelaskan berkenaan kualiti individu itu, perlu difahami bahawa penilaian kualiti individu dalam artikel ini adalah berasaskan kerangka penilaian dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* ketika menilai perawi yang membawa berita atau khabar, diikuti dengan penilaian bersama terhadap penerima berita dan khabar tersebut. Justifikasi kepada kerangka penilaian terhadap para perawi dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* adalah kerana, aspek penilaian dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* telah berjaya menunjukkan keberhasilan dalam memastikan setiap hadith Nabi SAW, *Athār* sahabat dan *Qawl* al-Tābi‘īn dan *Khabar* yang disampaikan adalah benar dan tidak berlaku penyelewengan. Perkara ini jelas apabila terdapat tingkatan (*level*) pada setiap hadith yang diriwayatkan dalam kitab-kitab hadith bersanad seperti *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, *Da‘īf* (*lemah*) dan *Mawḍū‘* (*Palsu*). Oleh itu, perkara ini dapat dirujuk kepada gambaran Rajah 1 di bawah. Keseluruhan data yang diperoleh dianalisis berasaskan pendekatan analisis induktif dan deduktif.

Rajah 1: Penilaian Terhadap Kualiti Individu dalam Pembangunan Insan Melalui Kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth*.



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Kerangka ‘Ulūm al-Hadīth dalam Pembangunan Insan

1. Pengetahuan yang Terperinci Tentang Latar Belakang Perawi

Dalam perbincangan ‘Ulūm al-Hadīth, perawi hadith adalah orang yang mengambil hadith secara *bertalaqqī* dengan guru dan menyampaikannya dengan ungkapan (*sighah*) yang digunakan dalam penyampaian hadith.⁵ Oleh itu, untuk membangunkan insan yang berkualiti dalam masyarakat setiap individu perlu mengetahui latar belakang perawi atau penyampai berita dalam setiap berita yang diterima. Kerana, berita-berita *hoax*⁶ yang tersebar berpunca daripada mereka yang tidak melakukan saringan terlebih dahulu kepada sumber berita tersebut.

Pada masa kini, kebiasaan masyarakat akan menyebarkan semua berita-berita yang mereka terima tanpa mengesahkan dahulu kebenarannya. Perkara ini akan menyebabkan keruntuhan akhlak dengan skala besar dan mengurangkan kadar kualiti individu secara tidak langsung. Daripada Abū Hurayrah r.a, Rasulullah SAW telah bersabda:

كُفَىٰ بِالْمُرءُ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ.⁷

Terjemahan: Cukuplah seseorang dianggap berbohong apabila dia menceritakan semua apa yang didengar.

Hadith ini menunjukkan bahawa larangan terhadap menyebarkan kesemua berita yang diterima tanpa usul periksa. Hal ini boleh membawa kepada kesilapan dan kesalahan dalam menyampaikan berita kepada orang lain. Perkara tersebut boleh menyebabkan seseorang insan berbohong tanpa disengajakan. Faktor ini boleh mengundang kepada masalah yang lebih besar. Sebagai contoh, berita negatif boleh dilihat dalam komunikasi media sosial baharu seperti kes kehilangan pesawat MH370, tragedi MH17, isu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), 1Malaysia Development Berhad (1MDB), pembelian tanah oleh

⁵ Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulūm al-Hadīth* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2018), 76.

⁶ Hoax bermaksud tipu helah. Lihat Cambridge Dictionary, “Hoax”, laman sesawang *Cambridge Dictionary*, dicapai pada 27 Ogos 2019, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/hoax>.

⁷ Muslim bin al-Hajjāj, *Muqaddimah al-Musnad al-Šāhīh al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an Rasūl Allāh Ṣalla Allāh ‘alayh wa Sallam* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 10.

pengurusan tertinggi Tabung Haji, isu pasangan gay, isu kenderaan MyVi berlumba di lebuhraya serta isu kaum dan agama yang dimanipulasikan.⁸

Justeru itu, penilaian terhadap sesuatu berita perlu dilakukan dengan adil dan saksama. Dengan menggunakan sesuatu kaedah yang seiring dengan kaedah penilaian latar belakang bagi setiap perawi hadith. Etika kewartawan perlu dipupuk dan disematkan dalam diri setiap individu agar kualiti individu dalam menyampaikan berita memberi impak kepada pembangunan insan.

2. Penilaian Terhadap Perawi dari Aspek *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*

Hadith memiliki kedudukan yang tinggi dan penting setelah al-Quran. Namun, tidak semua hadith dapat diterima dan sebahagian hadith yang tidak menepati kriteria *maqbūl* maka hadith tersebut terpaksa ditinggalkan. Usaha untuk menilai sama ada hadith tersebut diterima mahupun ditolak adalah berdasarkan sanad dan matan yang mantap daripada kecacatan. Kecacatan tersebut diteliti baik secara jelas ataupun tersembunyi. Semua ini bertitik tolak daripada perantara yang menerima dan menyampaikan hadith sehingga hadith tersebut benar-benar diucapkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW.

Muhammad al-Khāṭib al-Ḥajjāj membahagikan ilmu *al-Rijāl* kepada dua pembahagian, iaitu:

1. Ilmu *Tārīkh al-Ruwāh*.

2. Ilmu *Jarḥ wa al-Ta‘dīl*.

Ilmu *Tārīkh al-Ruwāh* lebih kepada ilmu tentang selok-belok sejarah seseorang individu perawi. Berdasarkan aspek kekeluargaan, kelahiran, kewafatannya, latar belakang pelajarannya, para gurunya, tempat tinggal, *rehlah* pencarian hadith dan sebagainya. Sedangkan ilmu *Jarḥ wa al-Ta‘dīl* pula adalah suatu ilmu yang mengkritik dan mencela seseorang individu perawi hingga menghilangkan keadilan dan *keḍabitannya*. Selain itu, ilmu ini juga suatu ilmu yang memuji seseorang perawi sehingga diangkat keadilan dan kedabitannya.⁹

⁸ Ahmad Fauzi Mustafa, “Jangan Cepat Melatah, Emosional Tangani Isu Viral,” laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 28 Ogos 2019, <https://www.bharian.com.my/node/58072>.

⁹ Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭib, *Uṣūl al-Hadīth: ‘Ulūmih wa Muṣṭalaḥih*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2006), 164.

Maka, penilaian yang dilakukan oleh para ulama hadith dalam mentajrīḥ dan menta’dīl seseorang perawi hadith bukanlah sesuatu yang mudah. Setiap penilaian yang diberikan mesti berpandukan kaedah-kaedah yang tertentu. Jika penilaian yang diberikan tidak berpandukan pada kaedah, seseorang itu akan bercakap apa sahaja yang dimahukan dan akan menyebabkan ketidak adilan serta mudah untuk berlaku persengketaan kerana tidak mempunyai asas yang kukuh dalam penilaian.

Islam amat melarang seseorang menyebutkan apatah lagi menyebarkan aib orang lain, menurut konteks ilmu Islam istilah perbuatan ini disebut sebagai *ghībah*. Al-Laknawī menaqalkan pandangan al-Nawawī di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dan al-Ghazālī dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* mengenai *tajrīḥ* dan *ta’dīl*. Menurut mereka setiap kritikan dan pujiyan yang dilakukan dalam proses pengesahan perawi ini tidak dikategorikan sebagai *ghībah* bahkan diperbolehkan.¹⁰ Menurut mereka terdapat enam *ghībah* yang dibolehkan:¹¹

1. Orang yang dianiaya; maka dalam hal ini dibolehkan untuk menceritakan penganiayaan yang dilakukan kepadanya.
2. Memohon pertolongan untuk membasmi kemungkaran.
3. Untuk meminta fatwa.
4. Untuk menjauhkan manusia daripada kejahanat.
5. Orang yang dikritik dan dicela merupakan orang yang melakukan bid‘ah dan kemungkaran secara terang-terangan.
6. Untuk memberikan kesahan informasi yang sebenar.

Penekanan diberikan oleh Muhammad ‘Ajjaj al-Khaṭīb bahawa tradisi ilmu ini perlu dijaga dan dipraktikkan sehingga kini. Bahkan, menurut beliau perkara ini adalah wajib bagi setiap orang Islam.¹² Hal ini adalah untuk menjaga keautentikan teks-teks berkaitan agama Islam daripada diceroboh oleh golongan-golongan yang tidak menyukai Islam.

Dalam konteks semasa kaedah penilaian ini boleh diadaptasikan kepada penulis berita di akhbar, pembaca berita di

¹⁰ Muhammad ‘Abd al-Ḥayy bin Muḥammad ‘Abd al-Halīm al-Anṣārī al-Laknawī, *al-Raf‘u wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*, tahnīq ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (cet. 10, Kaherah: Dār al-Salām, 2013), 56-58.

¹¹ Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits* (Jakarta: Bulan Bintang, 1988), 361-362.

¹² Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *Uṣūl al-Hadīth: ‘Ulūmih wa Muṣṭalaḥih*, 164.

radio, sebaran maklumat di media sosial dan sebagainya. Kaedah penilaian dari aspek *jarḥ* dan *ta’dīl* secara tidak langsung dapat mencapai kualiti individu yang bertepatan dengan nilai yang mahu diperkuuhkan dalam proses pembangunan insan dalam kalangan individu. Bahkan, melalui kerangka adaptasi ilmu ini dapat dirangka dan ditetapkan kelayakan yang khusus terhadap individu dalam konteks penyampaian dan penerimaan maklumat dan sesuatu berita. Dalam erti kata, jika seseorang individu itu telah diketahui ramai atau popular dalam pengguna media sebagai seorang pendusta atau pembawa berita yang banyak tokok tambah dan tidak benar, secara automatiknya dapat dilabelkan individu itu sebagai seorang yang akan ditolak segala perkhabaran yang dibawa. Namun, jika individu yang lain pula dikenali sebagai seorang yang berkelayakan, dihormati dalam masyarakat, mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dibicarakan atau dikhabarkan, maka dapat diletakkan individu itu sebagai seseorang yang diterima perkhabaran atau maklumat yang dibawa dan disampaikan. Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa keperluan juga untuk melakukan penilaian terhadap berita dan maklumat yang dibawa.

3. Penetapan Kriteria dan Ciri Perawi yang Konsisten Tanpa Sebarang Pertikaian

Setiap perawi yang menyampaikan sesuatu hadith mereka telah dinilai oleh pakar penilaian hadith ketika zaman periwayatan hadith berlaku. Proses penilaian tersebut dibuat berdasarkan aspek-aspek tertentu. Antara pra syarat bagi mengesahkan bahawa sesuatu hadith itu adalah sahih daripada Nabi SAW adalah dengan meneliti *kedābiṭan* perawi tersebut ketika menerima dan menyampaikan hadith.

Dalam perbahasan ‘*Ulūm al-Hadīth*, terdapat satu topik perbahasan yang membincangkan mengenai *kedābiṭan* perawi. Jika dilihat dari segi maknanya perawi yang *dābiṭ* ini adalah orang yang meriwayatkan hadith dalam keadaan sedar dan tidak diragui serta tidak lalai ketika menerima dan menyampaikan hadith.¹³ Disamping itu, turut ditetapkan beberapa syarat yang mesti

¹³ Luqmān al-Ḥākīm, *Imdād al-Mughīth bi Tashīl ‘Ulūm al-Hadīth* (Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017), 29.

dipenuhi bagi dikategorikan sebagai perawi yang benar-benar *dābiṭ*.

Menurut Luqmān al-Hakim al-Indonisi al-Azhari, beliau merumuskan syarat yang mesti dimiliki untuk dikira sebagai perawi yang *dābiṭ* adalah seperti berikut:¹⁴

1. Mesti menyampaikan dengan apa yang dihafaznya.
2. Mesti menyampaikan secara tepat seperti apa yang dicatat sekiranya perawi tersebut menyampaikan dari catitannya.
3. Mesti seorang yang alim dengan selok-belok bahasa arab sekiranya meriwayatkan hadith dengan makna.

Justeru, jika setiap perawi memiliki syarat tersebut berdasarkan kesesuaian cara periwayatan maka perawi itu boleh dikira sebagai *dābiṭ*.

Al-Dābiṭ secara amnya mempunyai dua pembahagian; iaitu *dabṭ ṣadr* dan *dabṭ kitāb*. *Dabṭ ṣadr* adalah seseorang itu boleh menyampaikan apa yang didengari pada bila-bila masa sahaja dikehendaki. Berbeza dengan *dabṭ kitāb* iaitu dengan menjaga catitannya dan mengesahkan ketika melakukan penyampaian.


Ulama telah menjelaskan kaedah untuk mengetahui tahap ketepatan periwayatan seorang perawi tanpa sebarang pertikaian. Kaedah tersebut adalah dengan membandingkan hafalan atau catitannya dengan beberapa orang perawi yang *thiqah mutqin*.¹⁵ Jika periwayatannya sama pada kebanyakan hadithnya walaupun diriwayatkan secara makna, maka perawi tersebut dikira sebagai *dābit*. Sekiranya terdapat sedikit perbezaan pada periwayatannya, tetapi tidak akan menjelaskan *keḍābiṭ*annya. Tetapi jika berlaku perbezaan yang begitu ketara, ditolak periwayatannya disebabkan tidak *dābiṭ*.¹⁶

Sebagai contoh, akan dijelaskan dengan bentuk rajah ringkas bagi memudahkan kefahaman tentang parameter *kedābiṭan* seseorang perawi. Berikut merupakan rajah 1 yang menunjukkan hadith yang didengari oleh seorang perawi bagi menilai parameter *kedābiṭan*:

¹⁴ Luqmān, *'Imdād al-Mughīth bi Tashīl 'Ulūm al-Hadīth*, 29.

¹⁵ *Thiqah Mutqin* merupakan kedudukan kedua tertinggi bagi martabat yang digunakan dalam ilmu jarḥ wa ta‘dīl untuk mengangkat seorang perawi yang diyakini periwayatannya.

¹⁶ *Ibid.*



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Jika setelah dibandingkan, maka didapati bahawa parameter bagi perawi yang meriwayatkan adalah seperti berikut:

Hadith (1-10) atau hadith (1-9) adalah sama, maka perawi yang meriwayatkan itu dikira sebagai *dābit*.

1. Hadith (1-8) yang diriwayatkan adalah sama, juga dikira sebagai *dābit*.
2. Hadith (1-7) yang diriwayatkan adalah sama, maka perawi tersebut dikategorikan sebagai kurang *dābit*.
3. Hadith (1-6) sahaja yang sama, maka perawi tersebut tidak *dābit*.
4. Hadith (1-5) sahaja yang sama dengan perawi *thiqah mutqin*, maka perawi tersebut tidak *dābit*.

Parameter di atas menunjukkan dengan jelas, bagaimana kaedah yang digunakan oleh ulama bagi melakukan penetapan kriteria dan ciri perawi yang konsisten tanpa sebarang pertikaian. Seandainya, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dapat membentuk suatu garis panduan bagi penyebaran dan penerimaan berita di sosial media berdasarkan kaedah ulama hadith, maka setiap individu dalam masyarakat dapat dibangunkan dengan baik.

Kemudian, individu dalam konteks *dābit* ini dapat juga diadaptasikan dalam kerangka pembangunan kualiti individu dalam penyampaian maklumat atau berita di mana, segala berita atau maklumat yang diterima (selepas proses pengesahan berlaku), individu yang disifatkan sebagai *dābit* (dalam kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth*’) perlu untuk menyampaikan ungkapan berita dan maklumat itu sama seperti yang diterima. Tidak boleh untuk berlaku sesuatu penambahan atau pengurangan dalam berita dan maklumat tersebut kerana kemungkinan boleh merubah maksud sebenar berita dan maklumat asal yang diterima. Maka, jika berlaku penambahan atau pengurangan, umumnya dapat

diletakkan sebagai bukan lagi maklumat asli atau benar. Walaupun begitu, kelonggaran boleh diambil kira dari aspek penyampaian berasaskan kepada kefahaman. Ini kerana, sesuatu maklumat yang disampaikan sekalipun berbeza dari sudut ungkapan yang dilafazkan, tetapi masih dalam ruang pemahaman yang sama, maka ia masih boleh diterima. Dalam disiplin ‘*Ulūm al-Hadīth*’ disebutkan sebagai *Riwāyah bi al-Ma‘nā*.¹⁷

4. Penetapan Kredibiliti Penerima Hadith

Setiap berita sahih yang diterima oleh seorang yang selalu berdusta, sekiranya beliau menyebarkan berita tersebut kepada khalayak ramai maka berita tersebut memerlukan kepada penelitian dari aspek rangkaian penyampai berita mahupun teks berita. Berita yang diterima itu perlu disahkan maklumatnya terlebih dahulu, walaupun asal berita tersebut sahih. Hal ini kerana berita tersebut disebarluaskan oleh orang yang selalu melakukan pendustaan. Begitu peri pentingnya penetapan kredibiliti penerima hadith dalam pembangunan insan berkualiti.

Antara kaedah untuk mengetahui sesuatu hadith itu sahih adalah dengan melihat keadilan perawi dalam jalur periwayatan. Sikap adil dalam skop perbincangan hadith bukan seperti seorang suami berlaku adil pada isterinya atau adil yang difahami pada aspek bahasa. Dalam perbincangan ‘*Ulūm al-Hadīth*’, adil adalah apabila seseorang perawi itu memenuhi syarat berikut iaitu [1] Islam, [2] Baligh, [3] Berakal, [4] Tidak fasiq dan [5] Menjaga maruah.¹⁸

Penentuan adil seseorang perawi adalah berdasarkan tiga perkara. Pertama; seseorang itu terkenal dalam kalangan ahli ilmu. Kedua; seseorang itu keadilannya diketahui secara meluas seperti

¹⁷ Perbincangan tentang hukum dan perincian tentang *Riwāyah bi al-Ma‘nā* boleh dirujuk dalam karya-karya ‘*Ulūm al-Hadīth*’. Rujuk Mohd Muhiben Abd Rahman, ‘*Ulūm al-Hadīth*’ (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 166-168.

¹⁸ Menjaga diri daripada melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan atau merendahkan kedudukan seseorang. Sebagai contoh, menurut adat kebiasaan sesebuah masyarakat yang bertamadun seperti; membuang air kecil di kaki jalan, banyak merokok, tidak memakai kopiah bagi yang bergelar ustaz, suka mempersendakan orang lain dan sebagainya. Setiap perkara tersebut merupakan perkara yang menyebabkan jatuh maruah di tempat tersebut, maka jika seseorang perawi melakukan hal yang demikian secara automatik jatuh maruahnya.

para imam empat mazhab. Ketiga; terdapat ramai orang alim yang mengesahkan keadilannya ataupun minimum satu orang alim.¹⁹ Ibn ‘Abd al-Barr pernah mengatakan bahawa setiap penerima dan penyampai ilmu jelas usahanya terhadap ilmu, maka mereka ini dianggap sebagai adil sehingga datang bukti yang menyatakan bahawa mereka tidak adil.²⁰

Orang yang belajar dan menerima hadith daripada gurunya tidak disyaratkan mesti Islam dan baligh. Tetapi disyaratkan Islam dan baligh ketika seseorang itu ingin menyampaikan hadith.²¹ Maka, diterima riwayat seorang Muslim yang baligh walaupun riwayat tersebut diterima sebelum beliau masuk Islam. Namun terdapat pandangan yang mensyaratkan orang menerima hadith mesti seorang yang baligh. Walaupun begitu, pandangan tersebut tidak dijadikan sebagai pegangan. Ini kerana orang Islam menerima riwayat sahabat yang kecil seperti Ḥasan bin ‘Alī, Ibn ‘Abbās dan lain-lain.²²

Apabila diselidiki ulama hadith turut membahaskan usia permulaan bagi mempelajari hadith. Sebahagian ulama daripada Syam menggalakkan kanak-kanak seawal usia tiga tahun untuk mempelajari hadith. Berbeza dengan ahli Kufah yang menggalakkan pada usia dua puluh tahun. Manakala, ahli Basrah memberi galakan pada usia sepuluh tahun. Namun, ulama terkemudian mengatakan bahawa waktu yang sesuai untuk pelajari hadith adalah pada usia paling awal kemampuan mendengar seseorang.

Kemudian, sebahagian para ulama menetapkan bahawa usia terbaik untuk mempelajari hadith adalah lima tahun. Kebiasaan ulama hadith berbuat seemikian, namun sebahagian lagi ulama menetapkan usia yang paling sesuai adalah ketika usia *mumayyiz* kerana mereka dapat memahami perbualan dan menjawab sekiranya ditanya.²³

Dalam konteks kredibiliti penerima hadith ini, jelas di mana terhadap aturan dan syarat yang ditetapkan oleh para ulama hadith

¹⁹ *Ibid.*, 28.

²⁰ Mahmūd al-Tahhān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth* (cet. 11, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 2011), 182.

²¹ Mahmūd al-Tahhān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*, 194.

²² Mahmūd al-Tahhān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*, 195.

²³ *Ibid.*

(*muhaddithīn*) bagi memastikan keberanakan dan keautoritian sesuatu berita dan maklumat itu. Perkara ini sewajarnya diberikan penekanan dalam pembangunan kualiti insan yang terbaik. Dengan adanya satu kerangka atau panduan kepada penerima sesuatu berita dan maklumat, ia boleh menjadi satu panduan kepada masyarakat ketika berinteraksi dengan apa-apa maklumat yang diterima oleh mereka. Secara tidak langsung keberangkalian proses penapisan dan penyemakan berita dan maklumat itu akan terus berlangsung dalam masyarakat dan membantu dalam membendung penyebaran maklumat dan berita palsu.

Justeru, insan yang berkualiti terbentuk daripada disiplin diri yang tinggi. Oleh itu, perawi hadith merupakan contoh terbaik dalam membangunkan insan yang cemerlang dalam kalangan masyarakat.

5. Penilaian Terhadap Ketepatan Maklumat yang Dibawa dan Disebarkan

Ketepatan maklumat dalam sistem komunikasi maklumat bukan sahaja terhadap urusan agama bahkan hal-hal yang lain amat dititik beratkan. Oleh kerana itu, Allah SWT menegaskan di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَلْتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا نَادِمِينَ.

Al-Hujurat 49:6

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini- dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya)- sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Setiap berita yang tidak mempunyai dasar ataupun diragukan sumbernya sangat memberi impak kepada kehidupan masyarakat. Perpecahan, pergaduhan, pertelingkahan yang mengakibatkan keretakan keharmonian masyarakat boleh menyebabkan nilai manusiawi berada pada tahap yang membimbangkan.

Sebuah berita akan menerbitkan kepercayaan dan keyakinan meskipun benar ataupun tidak. Setiap kepercayaan akan memandu

tindakan yang bakal diambil oleh seseorang. Oleh kerana itu, Nabi SAW memperingatkan umatnya terhadap sifat berhati-hati dalam menyampaikan berita serta mengancam perkara yang sebaliknya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَفَى بِالْمُنْجَدِ كُلَّاً
٢٤ مَا سَمِعَ يُخَذِّلُ كُلَّاً

Terjemahan: Daripada Abī Hurayrah r.a beliau berkata: Telah bersabda Nabi Ṣalla Allāh ‘alayh wa sallam: seorang dianggap berbohong apabila dia menceritakan semua yang dia dengarkan.

Praktik pengesahan maklumat telah lama dilakukan semenjak zaman sahabat. Ini menunjukkan setiap maklumat tidak diterima oleh mereka secara membuta tuli. Pengesahan dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan berita atau maklumat yang diterima adalah tepat. Perkara ini dicontohkan sewaktu peristiwa penetapan jumlah warisan oleh seorang nenek terhadap harta cucunya.

جَاءَتِ الْجَدَّةُ إِلَى أَبِي بَكْرٍ الصَّدِيقِ، تَسْأَلُهُ مِيرَاثَهَا؟ فَقَالَ: مَا لَكِ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى شَيْءٌ، وَمَا عِلِّمْتُ لَكِ فِي سُنْنَةِ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا، فَارْجِعِي حَتَّى أَسْأَلَ النَّاسَ، فَسَأَلَ النَّاسَ، فَقَالَ الْمُغَرِّبُ بْنُ شُعْبَةَ، «حَضَرَتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهَا السُّنْدُسَ»، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: هَلْ مَعَكَ غَيْرُكَ؟ فَقَامَ حُمَّادُ بْنُ مَسْلَمَةَ، فَقَالَ: مِثْلُ مَا قَالَ الْمُغَرِّبُ بْنُ شُعْبَةَ فَأَنْقَذَهُ لَهَا أَبُو بَكْرٍ.

Terjemahan: Seorang nenek datang menemui Abu Bakar r.a untuk bertanyakan perihal bahagiannya dalam harta pusaka. Abu Bakar r.a berkata: pembahagian kamu dalam harta pusaka tidak ditemukan di dalam kitab Allah dan juga tidak aku temui dalam sunnah Rasulullah SAW. Pulanglah terlebih dahulu untuk aku bertanyakan kepada orang lain. Lalu Abu Bakar r.a bertanyakan perihal itu kepada orang ramai. Al-Mughīrah bin Shu‘bah berkata: Aku bersama Rasulullah SAW ketika mana baginda SAW memberikan bahagian satu per enam (harta warisan) kepada seorang nenek. Abu Bakar


²⁴ Muslim bin al-Hajjāj, *Muqaddimah al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'An Rasūl Allāh Ṣalla Allāh 'alayh wa sallam*, 10.

RA bertanya, adakah bersama engkau sahabat lain (yang turut mendengar), lalu Muḥammad bin Maslamah berdiri seraya berkata: sepertimana yang dikatakan oleh al-Mughīrah. Maka, Abu Bakar pun melakukan sedemikian.

Justeru itu, penilaian terhadap ketepatan maklumat yang dibawa adalah penting bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Disamping, dapat mengasah kualiti dalam setiap individu yang menerima dan menyebarkan apa-apa bentuk maklumat terutamanya berkaitan teks-teks keagamaan. Bahkan, dalam konteks individu berkualiti juga, bermaksud bahawa keperluan kepada kesedaran dan keprihatinan yang tinggi dalam memastikan kebenaran sesuatu berita dan maklumat yang diterima sebelum melalui proses penyebaran kepada pihak yang lain.

Oleh yang demikian, dalam memahami tentang kerangka ‘Ulūm al-Hadīth dalam pembangunan insan ini, maka lima aspek tersebut adalah antara aspek yang boleh menjadi asas kepada pembentukan kualiti individu yang diperlukan dalam konteks pembangunan insan itu.

Rajah 3.0: Kerangka ‘Ulūm al-Hadīth dalam Pembangunan Insan



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Perbincangan

Merujuk kepada perbincangan dalam kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth*, dapat menunjukkan signifikan yang jelas dalam pembentukan kualiti insan yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan insan. Oleh yang demikian, daripada kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth* tersebut, antara perkara yang boleh diberikan penekanan terhadap kualiti individu dalam pembangunan insan adalah seperti berikut:

Pertama: Penekanan Aspek Insan Berkualiti dalam Pembangunan Insan

Insan berkualiti mampu meningkatkan pembangunan insan dalam kalangan masyarakat, bahkan mampu membentuk suatu tamadun manusia yang hebat. Matlamat pembangunan insan adalah untuk meluaskan pemilihan manusia dalam kehidupan mereka. Tidak hanya memikirkan bagaimana untuk menjana pendapatan dan pertumbuhan. Konsep pembangunan insan kini perlu dirombak semula agar dapat menempatkan manusia itu pada tempat yang sewajarnya. Untuk merealisasikan matlamat tersebut, maka penekanan aspek insan berkualiti itu amat penting, supaya matlamat tersebut tidak menjadi sebagaimana usaha kebajikan semata-mata. Setiap manusia mempunyai keupayaan dalam membuat pemilihan sendiri yang boleh memanfaatkan mereka.²⁵ Begitupun, perlu ditegaskan bahawa keupayaan tersebut tidak disalah gunakan sehingga melanggar asas moral dan etika kehidupan manusia yang bertamadun.

Apakah kaitan insan berkualiti dalam pembangunan insan dengan ‘*Ulūm al-Hadīth*? Dalam perbahasan hadith, bagi memastikan sesuatu hadith itu sahih amat bergantung kepada keadilan perawinya. Andai sesuatu hadith itu diriwayatkan oleh seorang yang cacat keadilannya maka akan menimbulkan masalah pada hadith yang disebarluaskan. Kemudian, akan menyebabkan banyak lagi permasalahan bakal berlaku. Jika mengikut konteks kini, apabila seorang manusia itu tidak telus dalam percakapan atau perbuatannya, maka akan menimbulkan satu masalah dan kemudian akan wujud masalah demi masalah berpunca daripada sikap manusia tadi. Maka, insan yang tidak berkualiti akan

²⁵ Abdul Rahman Embong, “Memikir Semula Pembangunan Manusia: Antara Teori dan Realiti,” *Jurnal Akademika* 64 (2004), 20.

membantutkan proses kemajuan pembangunan insan secara mendesak.

Manusia adalah aset atau penggerak kepada pembangunan. Sesuatu pembangunan tidak akan dapat dijalankan dan dipertingkatkan sekiranya aset tersebut mempunyai virus yang merosakkan. Dalam konteks negara ini, insan yang kukuh dan utuh ingin dibangunkan, dibina serta dilahirkan. Pada akhirnya akan menzahirkan insan berkualiti yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya. Perkara ini hanya mungkin terjadi seandainya mereka dapat menghayati kaedah ‘*Ulūm al-Hadīth* dalam menetapkan keadilan seseorang perawi hadith. Bahkan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain ada menyebutkan berkenaanan pengajaran (jika boleh dikaitkan dengan pengajaran dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* yang merupakan proses guru membimbing pelajar-pelajarnya ke arah satu matlamat, iaitu bagi menghasilkan perubahan tingkah laku dalam diri seseorang itu. Hasil daripada proses pengajaran, para pelajar dapat memperbanyakkan ilmu pengetahuan serta membentuk mereka menjadi orang yang baik, bijak dan cekap dalam disiplin ilmu yang dipelajari.²⁶ Dalam erti kata bahawa dalam proses pembelajaran dan pengajaran ‘*Ulūm al-Hadīth* ini secara tidak langsung dalam membangunkan insan berkualiti yang diperlukan dalam pembangunan insan tersebut.

Justeru, insan berkualiti itu, berkeupayaan untuk menjaga diri, keluarganya bahkan masyarakat sekitarnya daripada melakukan perkara yang menatihkan keruntuhan nilai keinsanan dalam pembangunan insan. Dengan penilaian yang ditetapkan oleh ulama hadith, ketulenan nilai insan dapat dipelihara daripada diracuni anasir-anasir jahat yang membinasakan sesuatu tamadun manusia.

Kedua: Kepentingan dalam Ketepatan Fakta dan Berita yang Dibawa

Setiap dakwaan, berita atau maklumat yang dilakukan mesti memerlukan kepada ketepatan fakta. Islam telah menggariskan satu kaedah yang menunjukkan kepentingan menjaga kesahihan

²⁶ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 27, (2008): 150.

fakta dan berita yang dibawa oleh setiap Muslim. Perkara ini merupakan asas di demi menjaga kesucian agama Islam daripada fakta-fakta yang seleweng dan tidak benar. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

فُلْنَ هَأُنُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ.

Al-Baqarah 2:111

Terjemahan: Datangkanlah keterangan-keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar.

Berdasarkan ayat di atas, ulama telah menggariskan satu kaedah khusus perihal ilmu penelitian. Kaedah ini terkenal dalam kalangan ahli ilmu, iaitu:

إِنْ كُنْتَ نَاقِلاً فَالصَّحَّةُ، أَوْ مَدْعِيًّا فَالدَّلِيلُ.

Terjemahan: Jika kamu menyampaikan sesuatu berita hendaklah dipastikan kebenarannya, dan jika kamu mendakwa hendaklah dengan bukti.²⁷

Fakta dan berita yang disebarluaskan amat penting untuk dipastikan ketepatannya. Hal ini kerana suatu fakta ataupun berita yang tidak benar akan mempengaruhi masyarakat, lalu mengundang kepada perpecahan sesama manusia, suami isteri boleh bercerai-berai, putus hubungan antara anak dan emak dan sebagainya. Apabila sumber kepada pembangunan itu telah berlaku kerosakan bagaimana mungkin matlamat pembangunan insan dapat direalisasikan di dalam kehidupan.

Ketiga: Keperluan dalam Penilaian yang Telus dan Amanah Terhadap Individu

Dalam perbahasan sebelum telah disebutkan bahawa ilmu *jarḥ wa ta‘dīl* merupakan antara pembahagian ilmu ‘Ulūm al-Ḥadīth yang membahaskan tentang kebaikan dan keburukan seseorang perawi yang meriwayatkan hadith. Penilaian yang baik disebut sebagai *ta‘dīl* manakala penilaian buruk disebut sebagai *jarḥ* (mengutuk atau mencela). Keperluan pada zaman periwayatan terhadap ilmu ini adalah untuk memastikan setiap riwayat yang dibawa dan

²⁷ ‘Umar bin ‘Abd Allāh Kāmil, *Ādāb al-Hiwār wa Qawā‘id al-Ikhtilāf* (Arab Saudi: t.p., t.t.), 20.

disebarkan menepati dengan apa yang disampaikan oleh baginda SAW.

Namun, proses penilaian juga memerlukan kepada ketelusan dan amanah yang tinggi. Individu yang terlibat dalam membuat penilaian juga perlu mempunyai kriteria yang ditetapkan bagi melayakkan dirinya menjadi penilai. Antara syarat yang wajib dimiliki untuk seseorang menjadi pengkritik (*al-Jāriḥ*) dan orang memberi pujian (*al-Mu'addil*) adalah;²⁸

1. Berilmu, bertakwa, wara' dan bercakap benar. Kerana tidak mungkin orang yang tidak kukuh keilmuannya, ketakwaannya, kebenaran percakapannya diangkat menjadi orang yang mengadili seseorang, sedangkan kredibilitinya pun tergugat.
2. Mesti alim dalam faktor-faktor yang menyebabkan dikritik (*al-jarḥ*) dan dipuji (*al-Ta'dīl*). Oleh itu, Ibn Ḥajr al-'Asqalānī menyebutkan di dalam *Sharḥ al-Nukhbah*: bahawa diterima *al-Tazkiyyah* (pengadilan) daripada orang yang 'ārif (mengetahui) tentang selok-belok ilmu *jarḥ wa ta'dīl*.
3. Mesti alim dalam ilmu percakapan bahasa Arab, supaya tidak meletakkan sesuatu lafaz bukan pada tempatnya.

Tidak disyaratkan sikap untuk pengkritik (*al-Jāriḥ*) dan orang memberi pujian (*al-Mu'addil*) adalah seorang lelaki ataupun perempuan, seorang yang merdeka ataupun hamba. Tetapi mesti seorang yang mempunyai kemampuan dalam mengritik dan mengadili, sama ada lelaki, perempuan, hamba atau orang yang merdeka.²⁹ Terdapat pandangan yang menyebutkan minimum jumlah orang yang menilai adalah dua orang lelaki seperti dalam syarat menjadi saksi. Walaupun begitu, pandangan jumhur mengatakan cukup sekadar seorang sekiranya telah memenuhi syarat *al-Jāriḥ* dan *al-Mu'addil*.

Daripada perbincangan di atas yang berhubung dengan penilaian yang telus dan amanah, boleh disimpulkan perlunya keperluan amanah dan telus dalam melakukan penilaian terhadap individu bagi mendepani cabaran dunia penyebaran maklumat kini. Namun, *jarḥ* dan *ta'dīl* yang dilakukan oleh ulama hadith perlu disesuaikan dengan konteks cabaran kuasa penyebaran informasi terkini.

²⁸ Nūr al-Dīn 'Itr, *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadīth*, 90.

²⁹ *Ibid.*, 91.

Penutup

Kesimpulannya, kerangka perbincangan dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* dalam penilian terhadap perawi dari sudut sifat dan kualitinya mempunyai kaitan langsung dengan pembentukan individu berkualiti atau pembangunan kualiti individu yang amat diperlukan dalam pembangunan insan. Proses penilaian yang dilakukan telah meletakkan syarat dan kriteria yang melayakkkan seseorang perawi itu dapat dilekatkan sebagai perawi hadith. Bahkan, hadith dan berita yang diterima dan diriwayatkan juga boleh diterima dan dijadikan sebagai hujah. Asas kepada penerimaan hadith sebagai hujah itu, tidak lain melainkan bertitik tolak daripada kualiti individu itu sebagai perawi.

Sejajar dengan proses pembangunan insan, di mana antara aspek utama yang diberikan penekanan adalah pembinaan individu yang berkualiti atau kauliti individu yang sepatutnya ada bagi merealisasikan pembangunan insan tersebut. Oleh itu, kerangka penilaian dalam ‘*Ulūm al-Hadīth* adalah antara disiplin yang boleh diketengahkan kepada ramai pihak bagi merealisasikan kualiti individu yang dikehendaki dalam pembangunan insan. Bahkan, ‘*Ulūm al-Hadīth* bukan sahaja ilmu tentang pengesahan hadith Nabi SAW semata-mata, tetapi juga merupakan suatu ilmu yang membentuk acuan dan mendisiplinkan individu dalam masyarakat bagi mencapai tahap tertinggi nilai manusiawi. Sikap dan keperibadian perawi hadith adalah contoh tauladan terbaik sebagai ejen pembangunan insan. Oleh itu, individu berkualiti dalam pembangunan insan perlu dilatih dan dibentuk bersesuaian dengan kerangka ‘*Ulūm al-Hadīth*.

Penghargaan:

Penghargaan kepada Universiti Malaya kerana artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) bernombor RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: “*Digitalisasi dan Autentikasi Hadith dalam Karya-karya Jawi Nusantara*”.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. “Memikir Semula Pembangunan Manusia: Antara Teori dan Realiti.” *Jurnal Akademika* 64, 2004.
- Ahmad Fauzi Mustafa. “Jangan Cepat Melatah, Emosional Tangani Isu Viral.” laman sesawang *Berita Harian Online*, Dicapai pada 28 Ogos 2019, <https://www.bharian.com.my/node/58072>.
- Al-Hajjāj, Muslim bin. *Muqaddimah al-Musnad al-Šahīh al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an Rasūl Allāh SAW*. Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Al-Ḥakīm, Luqmān. *Imdād al-Mughīth bi Tashīl ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017.
- Al-Khaṭīb, Muḥammad ‘Ajjāj. *Uṣūl al-Ḥadīth*: ‘Ulūmih wa Muṣṭalaḥih. Beirut: Dār al-Fikr, 2006.
- Al-Laknawī, Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy bin Muḥammad ‘Abd al-Ḥalīm al-Anṣārī. *Al-Raf‘u wa al-Takmīl fī al-Jarh wa al-Ta‘dīl*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Cet. 10, Kaherah: Dār al-Salām, 2013.
- Al-Ṭahhān, Maḥmūd. *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Cet. 11, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 2011.
- Cambridge Dictionary. “Hoax”, laman sesawang *Cambridge Dictionary*. Dicapai pada 27 Ogos 2019, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/hoax>.
- Fauzi Deraman. Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*, 12 (2000): 1-18.
- Fauzi Deraman. *Pengantar Usul al-Hadith*. Kuala Lumpur: Warisan Nabawi Ent., 2008.
- ‘Itr, Nūr al-Dīn. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2018.
- Kāmil, ‘Umar bin ‘Abd Allāh. *Ādāb al-Ḥiwār wa Qawā‘id al-Ikhtilāf*. Arab Saudi: t.p., t.t.
- Matthew Chan. “Perlu Bijak Nilai Kesahihan Berita.” Laman sesawang *Utusan*, 22 Februari 2018 di link: <https://www.utusan.com.my/renanca/utama/perlu-bijak-nilai-kesahihan-berita-1.447727>
- Mir Azri Shaharudin. “Tangkis Penyebaran Maklumat Palsu.” Laman sesawang *Kosmo Online*, 5 Februari 2018 di link:

- [http://www.kosmo.com.my/negara/tangkis-penyebaran-maklumat-palsu-1.603142.](http://www.kosmo.com.my/negara/tangkis-penyebaran-maklumat-palsu-1.603142)
- Mohammad Said Mitwally Ar-Rahawan. “Dating Hadith Textual Transposition by Means of Sanad-cum-matn Analysis,” *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 16, no.2 (2008): 91–113.
- Mohd Muhiden Abd Rahman. ‘Ulum al-Hadith. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Mohd Muhiden Abd Rahman. “Sumbangan Imam Al-Nawawi Kepada ‘Ulum Al-Hadith (Dirayat).” *Jurnal Usuluddin* 3, (1996): 63-76.
- Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits*. Jakarta: Bulan Bintang, 1988.
- Noor Hafizah Mohd Haridi & Ahmad Munawar Ismail. “Masalah Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan di Institusi Pemulihian Akhlak Malaysia.” Makalah, e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (PASAK3), Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 23-24 April 2018.
- Noor Mohamed Shakil Hameed. “Tangani Berita Palsu, Ruangan Minda.” Laman sesawang *Harian Metro*, 29 Mac 2018.
- Ridzauddin Roslan. “Ketagihan Internet Punca Penularan Berita Palsu.” Laman sesawang *Kosmo Online*, 24 Mac 2018, <https://www.kosmo.com.my/jurnal/ketagihan-internet-punca-penularan-berita-palsu-1.633764>
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. “Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun.” *Jurnal Usuluddin*, 27 (2008): 141-156.